



SIARAN MEDIA

PENYERAHAN LESEN SAMPAN KHAS, BANTUAN SPEKS AKUAKULTUR, BANTUAN PROJEK DANA JAMINAN MAKANAN (DJM)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I telah menyerahkan lesen sampan khas kepada **49 nelayan Daerah Jasin dan 4 lagi dari Daerah Melaka Tengah (Pernu)**. Mereka merupakan nelayan sepenuh masa yang memenuhi kriteria-kriteria bagi permohonan lesen sampan khas. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) berharap dengan lesen yang sah ini dapat membantu mereka turun ke laut menangkap ikan dan menambah pendapatan.
2. Selain nelayan laut, Jabatan turut menyampaikan bantuan kepada penternak industri akuakultur yang sama-sama menyumbang dalam memenuhi permintaan domestik. Seramai **6 orang penternak dan nelayan dari Daerah Jasin, manakala 18 lagi dari Daerah Melaka Tengah telah menerima bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) Akuakultur. Keseluruhan 46 orang penternak dan nelayan telah menerima bantuan yang bermanfaat ini dengan jumlah peruntukan adalah sebanyak RM1,237,101.00.**
3. Objektif bantuan SPeKS ini adalah untuk memastikan Key Performance Index (KPI) data pengeluaran ikan makan negara tercapai khususnya bagi negeri Melaka yang menasasarkan 4,000 tan metrik bagi tahun 2021. Selain itu, bantuan ini juga secara tidak langsung dapat membantu penternak-penternak akuakultur negeri Melaka untuk terus berdaya saing dalam bidang akuakultur.
4. Jabatan Perikanan Malaysia turut melaksanakan **Program Dana Jaminan Makanan (DJM)** bagi tujuan mewujudkan peluang pekerjaan. Ia juga bertujuan menggalakkan pengeluaran hasil sektor pertanian organik yang berkualiti dan selamat untuk dimakan bagi menampung keperluan bekalan makanan harian. Peruntukan sebanyak **RM334,500.00 telah disalurkan kepada Negeri Melaka di bawah DJM bagi myKomuniti Perikanan (myKP) tahun 2021.** Seramai 109 orang penerima yang terdiri daripada komuniti nelayan layak menerima bantuan ini. Penyerahan bantuan disampaikan kepada **myKP Merlimau bagi Projek Pemprosesan Ikan Kering dengan jumlah peruntukan RM44,500.00. Bantuan yang disalurkan adalah seperti rumah pengering ikan, freezer, plastik pembungkusan, tong insulasi, sealer, label sticker produk dan meja kerja.**
5. Hadir sama pada program ini adalah YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha MAFI, YB Datuk Norhizam bin Hassan Baktee, Exco Pertanian Negeri, En. Ahmad Tarmidzi bin Ramly, Ketua Pengarah Perikanan Malaysia bersama En. Mohd Fauzi bin Salehon, Pengarah Perikanan Negeri Melaka.

###

Siaran Media ini disiarkan oleh:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia
Wisma Tani, Putrajaya

2 Oktober 2021 (Sabtu)

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel: 019-381 7402 (Ahmad Faizal)

017-255 5643 (Nazrin) – PPN Melaka

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my